


COVID-19:

Mod Komunikasi Pascamanusia

oleh Faizwan Mat



Saat dunia digegarkan dengan kemunculan wabak pandemik COVID-19, seluruh manusia dan kegiatan harian terjejas teruk. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia dan global *lockdown* seluruh dunia telah menyekat banyak aktiviti untuk memutuskan rantaian jangkitan wabak. Ini termasuklah aktiviti kesenian seperti seni visual, seni lukis, seni kontemporari dan pelbagai bidang seni yang lain. Beberapa organisasi sudah mula mengorak langkah untuk mewujudkan galeri dalam talian, pameran digital juga *virtual* yang berasaskan penggunaan jaringan internet serta boleh diakses di mana sahaja. Walau bagaimanapun, gelagatnya seperti terkejut, pelaksanaannya *ad-hoc*, persiapannya dibuat saat-saat akhir kerana kita tidak mempunyai persediaan menghadapi keadaan PKP dan serangan wabak yang maha dahsyat. Sementelahan, sebelum ini kita tidak begitu peduli kepentingan kemudahan dalam talian yang patut digunakan untuk meraih jumlah khalayak penonton yang ramai. Memiliki kemudahan galeri dalam talian adalah salah satu kewajiban di era norma baharu. Untuk merealisasikan galeri dalam talian atau pameran virtual, kita memerlukan jaringan internet yang pantas, seseorang yang boleh menelaah algoritma, sebuah data yang besar, kurator maya dan sebagainya. Wabak COVID-19 datang mengejutkan mereka yang sedang tidur lena, menyedarkan ramai pihak dan akhirnya kita merasakan sangat penting untuk berada di dalam talian internet.

Kesan daripada pandemik COVID-19 ini membuatkan kita terfikir apakah sebenarnya hikmah yang kita raih? Adakah manusia sedang dihukum oleh alam dan isinya disebabkan kerosakan yang dilakukan oleh tangan-tangan sendiri? Atau adakah wabak ini dihantar oleh Tuhan ke bumi untuk merawat semula keseimbangannya? Semasa dan juga selepas COVID-19 nanti manusia perlu berfikir semula cara-cara mengusahakan sumber alam dan isinya. Ini kerana kita terlalu rakus dan haloba di masa lalu. Bukan sekadar memperlahankan proses eksploitasi terhadap alam malahan perlu mengambil langkah-langkah radikal untuk merawat ekosistem sebagai kehidupan matriks

yang dinamik dan sebagai sumber ekonomi masa hadapan. Kita perlu berasa malu atas kerakusan kita terhadap bumi, langsung tidak terfikir apakah 'perasaan' bumi yang dieksploitasikan itu. Memperlahankan kegiatan yang merosakkan alam adalah langkah pertama untuk kita kembali memperoleh pengalaman dalam menyiapkan bekalan teknologi yang mampan setelah puluhan tahun ketinggalan dalam pembangunan dek gejala pembaziran. Kemunculan wabak ini mengajar kita mengenai aspek kehidupan masyarakat yang bermasalah. Walaupun tidak memberi kesan aspek yang positif dengan kewujudan kawalan sosial baharu (*social distancing*) dan peningkatan pekerjaan dalam talian, pengetahuan kepada ancaman baharu serta pengawasan dan pemerintahan algoritma tetap akan bertambah dari semasa ke semasa.


Kehidupan manusia semasa mahupun selepas wabak COVID-19 tidak akan sama seperti sebelumnya. Pelbagai prosedur baharu atau *Standard Operating Procedure* (SOP) diperkenalkan bagi mengekang penularan wabak ini, sesuatu yang dipanggil Norma Baharu (*New Norm*). Justeru, cara manusia menjalani kehidupan seharian menjadi berbeza berbanding sebelumnya. Kehadiran wabak ini mungkin merupakan satu pesanan kepada tatanan dunia baharu (*New World Order*). Salah satunya, kemungkinan kita memasuki era pascamanusia di mana kefahaman dan pengalaman masa lalu tidak lagi berfungsi. Contohnya penggunaan kata-kata berlainan (*opposition word*) seperti pemaknaan natural dan *artificial*, *organic* dan *technology*, *real* dan *virtual* dan sebagainya. Oleh yang demikian, tahun-tahun kebelakangan kita sering mendengar tentang pelbagai konsep baharu seperti *artificial intelligence* (AI), *cyborg*, *virtual reality*, *technoculture*, *genetic engineering* dsb. Terminologi dan konsep ini sering kita dengar dalam pelbagai cerita *sci-fi* atau buku fiksiyen kanak-kanak, sekarang ia telah mula memberi respon kepada era pascamanusia. Kemunculan COVID-19 berkemungkinan menjadi penyebab untuk manusia mula berfikir tentang masa depan, imaginasi dan realiti bersama dibangunkan melalui media elektronik dalam budaya popular, dunia akademik dan nila-nilai intelektualisme. Kita perlu

bersedia menerima sekiranya terputus rangkaian bahasa dan kemunculan data seperti *artificial intelligence* (AI) yang akan membentuk mod komunikasi baharu. Dunia pascamoden yang menyelami *intertext* akan diganti dengan *interdata*.

Dengan kerancangan penggunaan media dalam talian, internet pantas, *Big Data* dan sebagainya, manusia tidak akan dapat mengeneikan teknologi dan akhirnya kita menuju ke era pascamanusia di mana manusia akan menggabungkan diri dengan kecanggihan teknologi ciptaan sendiri. Konsep pascamanusia membawa kita tentang komunikasi antara generasi, sistem sosial dalam talian tanpa sempadan apabila manusia tercantum sepenuhnya dalam teknologi pintar. Seni yang dihubungkan oleh manusia melalui sambungan internet atau rangkaian mudah alih akan menjadi kebiasaan. Inilah mod komunikasi norma baharu yang naratif hubungannya adalah interaksi antara manusia dan teknologi. Kemungkinan juga penggabungan teknologi dengan manusia, di dalam badan manusia akan ditanam sistem teknologi pintar. COVID-19 satu gelombang yang menyedarkan, mengingatkan dunia untuk mengarah kepada sistem teknologi yang kini menjadi rebutan. Maka ada sebabnya kenapa generasi mudah alih ke-5 (5G) menjadi perdebatan antara kuasa-kuasa besar dunia.

Setelah kita tersentak dikejutkan oleh wabak COVID-19, bidang seni visual juga harus melalui proses implantasi dengan kecanggihan teknologi agar dapat memudahkan transformasi komunikasi. Dalam era pascamanusia, ini menjadi satu keperluan dan harus diwujudkan wacana untuk mengembangkan mod komunikasi supaya tidak menjadi sekadar sehalu. Oleh itu, era pascamanusia memerlukan seniman yang bukan sahaja berbakat melukis, tetapi juga menjadi lebih bijak dalam menentukan kehidupan dan cara komunikasi yang menghuraikan teknologi kepada manusia. Ini disebabkan oleh norma baharu yang akan meninggalkan seniman yang terlalu organik dan yang terlalu sendiri tentang diri sendiri. Dunia digemparkan dengan wabak COVID-19, kita mencari apakah sumbangan yang dapat seniman berikan dalam menanganinya atau respons mereka tentang wabak ini? Peranan seniman tidak lagi terikat dengan penghasilan karya catan, arca dan sebagainya secara konvensional. Malah, seniman adalah seseorang yang mendekati dirinya bersama komuniti dan menggunakan kepakarannya dalam menyelesaikan beberapa isu berbangkit dalam bermasyarakat. Tidak keterlaluan kalau kita katakan bahawa, seseorang seperti Ebit Liew adalah seniman sebenar yang membawa jutaan penonton untuk menyaksikan setiap video yang disiarkan dalam talian. Apa yang beliau lakukan itu adalah satu bentuk mod komunikasi normal baharu yang meraih kesedaran ramai manusia.

Akhirnya, sebuah kaedah komunikasi yang tercetus dari pelbagai peranti teknologi canggih menjadikan pengalaman saling memahami seni itu semakin mencabar. Kemungkinan disalahertikan niatnya. Kemungkinan juga akan wujud pengalaman eksistensial dalam penerokaan seni visual melalui teknologi atau vice-versa. Sudah pasti masa depan bagi seseorang yang memahami *technology and future* akan menjadi sesuatu yang menakutkan. Walau bagaimanapun, kita atau generasi masa akan datang tetap harus menghadapinya dan perlu melakukan persiapan untuk menerima apa yang disebut sebagai *future* itu.



senikini

MALAYSIA ART NOW



DEDICATED TO
THE HEROIC FIGHTERS
IN THE CAUSE OF
PEACE AND FREEDOM



مفرايغتيا
فروبراز غر حواغ انتوق
منكفدر. كلما سن دارك سين

KANDUNGAN CONTENTS

◆ TERKINI

5 Soalan Bersama Ketua Pengarah
ms 4




Wabak dalam Beberapa Babak
Alina Abdullah
ms 6

COVID-19: Mod Komunikasi
Pascamanusia
Faizwan Mat
ms 8

Actual Versus
Virtual Art Exhibition:
Which is Better?
Nazrul Hamzah (Noz Imagine)
ms 10

Kepekaan Norma Baharu
Khairil Anwar MA
ms 12



◆ ULASAN

Pameran Cat Air Asia Tenggara
(Southeast Asia Watercolor Exhibition)
Syahrul Niza Zaini



◆ KOLEKSI

Can a Chair Be a Work of Art?
Amir Amin (Tuk Kura)
ms 20

Koleksi Seni Negara
ms 22

◆ KOMUNITI

Sekolah Bakat dan Alam
Adam Firdaus
ms 24

Kemakmuran Seni Bersama
Komuniti di Kg. Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan
Rohana Mohd Yusof
ms 26

International Marble Art Camp (IMAC) 2019
Balai Seni Negara
Cawangan Langkawi
Muhammad Hazrin bin Abdul Malek @ Moktar
ms 28

YAE!

YOUNG ART ENTREPRENEURS

Young Art Entrepreneurs (YAE!)
Mara ke Hadapan!
Zuriyadi Sarpin
ms 30

◆ PEDAGOGI

Picasso, Kesedaran dan Iktikad dalam Seni
Arafat Hambali
ms 32


Kami Masuk ke dalam Dunia Seni
dengan Idea Murni bahawa Ini Satu
Jalan Perjuangan yang Murni
akan Memberi Sedikit Perubahan
kepada Sekian Banyak Kekalutan
Hidup dan setelah Beberapa Larutan
Kami Dapati Ia Bukanlah Seperti
yang Kami Gambarkan
Abdullah Jones
ms 35

Seni Visual: Wacana Karyawan
kepada Komuniti
Raiha Bahaudin
ms 36



Seni dalam Medium, Medium dalam
Seni: Merenungi Warhol, Wahono dan
Danto dalam Meneari Akhir-Mula Seni
Jamal Raslan
ms 38

Visual sebagai Simbolika Propaganda
'Zaman Pecah Perang Dai-Toa Seno
di Malaya (1942-1945)
Dr. Saiful Akram
ms 40



Biennale Jogja XV 2019:
Do We Live in the Same PLAYGROUND?
Syahrul Niza Zaini &
Mohd Razip Abd. Razak
ms 42



In Praise of Slow Films
Norman Yusoff
ms 44

◆ BERITA SENI